



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

MAJLIS

**MAJLIS JALINAN KASIH LPPKN 2024 DAN MERASMIKAN KLINIK
FERTILITI LPPKN *FULL PAYING PATIENT* (FPP) BERSEMPENA ULANG
TAHUN KE-45 PERKHIDMATAN SUBFERTILITI LPPKN**

LOKASI / TARIKH

**DEWAN BESAR LPPKN, WPKL
1 DISEMBER 2024 (AHAD)**

Kemaskini 8 November 2024

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Kekeluargaan

(SALUTASI)

YANG BERBAHAGIA DATUK DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

YANG BERBAHAGIA DATO SRI ROHANI ABDUL KARIM

PENGERUSI

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

YANG BERUSAHA TUAN HAJI ABDUL SHUKUR ABDULLAH

KETUA PENGARAH

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KPWKM DAN LPPKN

RAKAN-RAKAN MEDIA

PARA IBUBAPA DAN KELUARGA; DAN

SEMUA HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN.

1. Alhamdulillah dengan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana di atas keizinan dan rahmatNya, maka kita dapat bersama-sama pada hari ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada LPPKN di atas usaha penganjuran program ini. Saya juga amat berbesar hati kerana dijemput untuk meraikan **Majlis Jalinan Kasih 2024** dan merasmikan **Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient (FPP)** bersempena Ulang Tahun ke-45 perkhidmatan subfertiliti LPPKN.

Hadirin yang dihormati sekalian,

CABARAN MASALAH KETIDAKSUBURAN ATAU SUBFERTILITI

3. Subfertiliti atau masalah ketidaksuburan didefinisikan sebagai kegagalan untuk hamil selepas lebih setahun berkahwin tanpa menggunakan kaedah kontraseptif semasa melakukan hubungan seksual.

4. Alhamdulillah bermula dari tahun 1979 sehingga kini, sebanyak 6,249 kehamilan telah direkodkan melalui perkhidmatan subfertility LPPKN. Ini merupakan kejayaan yang tidak mampu diucapkan dengan kata-kata. Airmata gembira pasangan apabila dimaklumkan 'Tahniah, anda hamil' adalah juga kegembiraan pengurusan dan semua kakitangan LPPKN.

5. Kos rawatan pula sangat berpatutan (affordable) sekitar RM 1,000.00 sehingga RM 15,000.00 mengikut kaedah rawatan yang diterima. Namun begitu, LPPKN juga menyediakan Program Bantuan Subsidi IUI pada tahun 2020 sehingga tahun 2023 kepada pasangan yang tidak pernah hamil dan mengikut terma dan syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Selain itu, pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga boleh mengeluarkan wang caruman daripada Akaun 2 untuk tujuan mendapatkan rawatan kesuburan.

6. Peratus kejayaan rawatan kesuburan LPPKN ini adalah setanding dengan kadar kejayaan hamil standard antrabangsa yang dikeluarkan Fertility Registry of USA. Apa yang lebih penting lagi perkhidmatan subfertility di LPPKN menepati maqasid syariah iaitu menjaga nasab keturunan dengan tidak sama sekali menggunakan bank sperma penderma.

7. LPPKN amat prihatin dan telah melakukan promosi secara media cetak, media massa, ceramah dan outreach bagi membantu pasangan yang mempunyai masalah subfertility supaya mendapatkan perkhidmatan subfertility. Kementerian juga komited memberikan rawatan kepada lebih ramai pasangan dengan memendekkan tempoh menunggu giliran dan rawatan.

8. Kementerian menerusi agensinya iaitu LPPKN mempunyai kemudahan kepakaran dan pengalaman dalam memberikan perkhidmatan subfertiliti. Klinik Subfertiliti LPPKN juga telah diperbaharui dengan menyediakan fasiliti yang lebih selesa dan terbaik kepada klien-klien yang hadir untuk mendapatkan rawatan di LPPKN.

9. LPPKN juga baru menubuhkan **Klinik Fertiliti LPPKN Full Paying Patient (FPP)**. Perkhidmatan FPP ini dilengkapi dengan nilai tambah (**value added**) termasuk barisan doktor pakar dan teknologi terkini khusus bagi pasangan yang mempunyai kekangan masa untuk mendapatkan rawatan di fasiliti sedia ada. Di Klinik Fertiliti LPPKN *Full Paying Patient* (FPP), klien boleh memilih doktor pakar dan masa yang sesuai dengan jadual kerja pasangan untuk menjalani perkhidmatan subfertiliti.

10. Melihat kepada keperluan ini juga, Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) telah meluluskan penubuhan Pusat Subfertility Negara. LPPKN telah diberi peranan dan tanggungjawab untuk menubuhkan Pusat ini yang dijangka siap dan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2030.

11. Usaha yang dijalankan oleh Kementerian melalui LPPKN ini juga adalah selari dengan tanda pagar lebih awal lebih baik (#lebihawallebihbaik) yang akan dilancarkan pada hari ini. Ingatlah, suami dan isteri perlu segera berusaha dan jangan bertanggung untuk mendapatkan rawatan kesuburan sekiranya belum dikurniakan cahaya mata sendiri.

Hadirin yang dihormati sekalian,

HARAPAN KEMENTERIAN

12. Pihak kerajaan amat prihatin kepada keperluan perkhidmatan rawatan kesuburan dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya mereka yang kurang berkemampuan. Kos yang dikenakan terhadap rawatan menyebabkan masih ramai lagi pasangan tidak dapat datang untuk mendapatkan rawatan subfertility.

13. Saya menyeru semua pihak membantu akses rawatan subfertility. Saya mencadangkan industri insurans dan takaful mempertimbangkan perlindungan masalah subfertility, termasuk prosedur IUI, terutamanya bagi pekerja sektor swasta. Bagi penjawat awam, tuntutan perubatan boleh dibuat di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2001.

14. Pihak majikan juga boleh menzahirkan sokongan moral dengan memberikan ruang atau meluluskan cuti khas kepada mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan subfertility.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

15.Saya berasa sangat teruja kerana dapat berkongsi kegembiraan dengan tuan-tuan dan puan-puan di sini. Kepada pasangan yang telah berjaya dalam rawatan subfertility ini, saya ucapkan tahniah dan jagalah khazanah yang tidak ternilai ini dengan yang baik.

16. Sekali lagi, saya ingin merakamkan penghargaan kepada LPPKN serta semua yang terlibat bagi menjayakan dan melaksanakan Majlis Jalinan Kasih LPPKN 2024 ini.

Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANNIRRAHIM, saya melancarkan tanda pagar lebih awal lebih baik dan merasmikan Klinik Fertiliti LPPKN *Full Paying Patient* (FPP).

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

1 DISEMBER 2024